

PEJABAT PENDAFTAR PERTUBUHAN PELADANG

d/a LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG
No. 20 MENARA LPP, JALAN SULTAN SALAHUDDIN, 50480 KUALA LUMPUR
ATAU KARUNG BERKUNCI 11005, 50990 KUALA LUMPUR

Laman Web : <http://www.lpp.gov.my>
Email : info@lpp.gov.my
Email Bahagian : lpphq_penyeliaan@lpp.gov.my

TEL: 03-2610 9600 FAX: 03-2697 0872 BAHAGIAN PENYELIAAN & PENGUATKUASAAN TEL: 03-2610 9600 FAX: 03-2697 0872

Ruj. Tuan
Ruj. Kami
Tarikh

LPP(B) 5/6 Jld.9 (5)
17 Mac 2020

Pengurus Besar,
Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA)
Ampang Jajar, 05940 Alor Setar, Kedah

Pengurus Besar,
Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA)
Jalan Dato' Lundang, Peti Surat 127
15710 Kota Bharu, Kelantan

Setiausaha Tetap,
Kementerian Pemodenan Pertanian, Tanah Adat
Dan Pembangunan Wilayah Sarawak (MANRED),
Tingkat 1, 4 & 5, Bangunan Baitulmakmur,
Medan Raya, Petra Jaya,
93050 Kuching, Sarawak

Pejabat Wakil Pendaftar,
Pertubuhan Peladang Negeri Sarawak,
d/a Ibu Pejabat Jabatan Pertanian Negeri Sarawak,
Tingkat 13, Menara Pelita,
93050 Petra Jaya Kuching, Sarawak
(u.p : Encik Mohidi Bin Bidin)

Pengarah
Lembaga Pertubuhan Peladang
Negeri

Pengurus Besar
Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS)

YBhg. Dato'/Tuan/Puan,

PELAKSANAAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DI BAWAH AKTA PENCEGAHAN DAN KAWALAN PENYAKIT BERJANGKIT 1988 DAN AKTA POLIS 1967

Dengan hormat perkara di atas adalah dirujuk.

2. Adalah dimaklumkan bahawa susulan Perutusan Khas YAB Perdana Menteri melalui media masa pada 16 Mac 2020, pihak Kerajaan telah memutuskan Perintah

Kawalan Pergerakan melibatkan penutupan semua premis kerajaan dan swasta **kecuali** yang terlibat dengan perkhidmatan penting negara atau (*essential services*) iaitu air, elektrik, tenaga, telekomunikasi, pos, pengangkutan, pengairan, minyak, gas, bahan api, pelincir, penyiaran, kewangan, perbankan, kesihatan, farmasi, bomba, penjara, pelabuhan, lapangan terbang, keselamatan, pertahanan, pembersihan, peruncitan dan bekalan makanan mulai **18 Mac 2020 hingga 31 Mac 2020** di seluruh negara. Perintah kawalan ini dibuat di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 dan Akta Polis 1967.

3. Sehubungan itu, semua Pertubuhan Peladang perlu mematuhi Perintah Kawalan tersebut.

4. Selaras dengan Perintah berkenaan, berikut adalah beberapa tindakan yang perlu diambil oleh semua Pertubuhan Peladang;

- i. Operasi Pertubuhan Peladang yang berkaitan dengan aktiviti Agromakanan termasuk perkhidmatan sokongan dan perniagaan adalah diteruskan seperti biasa.
- ii. Pertubuhan Peladang juga perlu meneruskan aktiviti-aktiviti pengedaran baja dan racun, Agrobazar, Pusat Pengumpulan Hasil Pertanian (PPHP), kedai input, kedai runcit/peladang dan kejenteraan pertanian.
- iii. Mesyuarat Agung Unit Peladang dan Mesyuarat Agung Pertubuhan Peladang adalah ditangguhkan sehingga dimaklumkan kelak.
- iv. Semua data-data kewangan dan maklumat penting Pertubuhan Peladang perlu disimpan sebagai '*Back Up*' dan dikemukakan sesalinan data dan maklumat berkenaan ke LPP Negeri.

5. YBhg. Dato'/Tuan/Puan adalah dipohon untuk memaklumkan perkara di atas kepada semua Pertubuhan Peladang di bawah penyeliaan YBhg. Dato'/Tuan/Puan dan sekiranya mempunyai sebarang pertanyaan boleh menghubungi Pejabat Pendaftar Pertubuhan Peladang di talian **019-2231223 (Tuan Haji Kamsani Bin Adam)** dan **012-3365618 (Norhaslina Binti Abdul Halim Lim)**.

Sekian, terima kasih.

Tema Hari Peladang, Penternak Dan Nelayan Kebangsaan (HPPNK) 2019
"MAKANAN KITA MASA DEPAN KITA"

Saya yang menjalankan amanah,



(AZULITA BINTI SALIM)
Pendaftar
Pertubuhan Peladang

s.k : Timbalan Ketua Pengarah Pembangunan
Lembaga Pertubuhan Peladang

Timbalan Ketua Pengarah Operasi
Lembaga Pertubuhan Peladang

Fail Timbul